

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 14 Mac 2021 12:07 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Elit Atur Strategi Bersama UUM SELECT



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 MAC 2021 / 30 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: UUM SELECT

PELAJAR ELIT ATUR STRATEGI BERSAMA UUM SELECT



UUM ONLINE: *'Meet and Greet Session'* secara maya tentu sekali memberi kesan kepada Presiden Kelab dan pelajar elit anjuran Student Excellence and Leadership Centre (SELECT) baru-baru ini meskipun sedang berdepan dengan pandemik Covid-19, namun ia tidak menghalang untuk bertemu dan berbincang dengan norma yang berbeza.

Pada pertemuan secara maya itu, Pemangku Pengarah SELECT, Muhammad Hafiz Badarulzaman memperkenalkan UUM SELECT: A New Chapter menggariskan Six SELECT Strategies yang menepati Teras 6 dalam Agenda Pelan Strategik UUM 2021-2025.

Strategi tersebut meliputi Award Recipient Project (A.R.T) yang menyediakan ahli UUM SELECT berupaya untuk mendapat anugerah sama ada melalui pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa bahkan program-program anjuran kelab mendapat pengiktirafan dari badan akreditasi ataupun badan bertaualiah peringkat kebangsaan serta berjaya memperoleh geran daripada agensi kerajaan dan swasta.

Di samping itu, Media Appearance Project (M.A.P) adalah satu strategi untuk menjerayawara bakat dan ketokohan ahli UUM SELECT menerusi media dan penerbitan di Malaysia.

“Kita akan pastikan ahli UUM SELECT muncul di dalam media perdana melalui kaca televisyen dan radio. Selain itu, kita juga akan memberi peluang ahli UUM SELECT berkongsi pandangan dan ilmu menerusi radio atas talian (online radio) milik agensi kerajaan.

“Penulisan di media cetak perdana akan diteruskan seperti biasa kerana ahli berjaya menulis lebih 40 artikel dalam akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris serta dalam majalah dan buletin pada tahun lalu,” katanya.

Top Notch Training (T.N.T) pula yang akan dijalankan secara bulanan oleh penceramah jemputan yang profilik dan bertaualiah melalui modul elit yang dirancang oleh UUM SELECT. Selain itu, Student High Impact Programs (S.H.I.P) adalah satu strategi yang digarapkan agar ahli UUM SELECT menganjurkan program berimpak tinggi dengan melibatkan universiti-universiti luar negara, tetamu jemputan tersohor, penajaan besar dan anjuran bersama industri.

Manakala strategi Industry and Alumni Engagement (I.N.D.I.E) melibatkan *coaching and mentoring* daripada alumni terbilang UUM, perkongsian pintar Ketua Pegawai Eksekutif menerusi CEO@UUM SELECT, program sangkutan industri (internship and externship) dan kerjasama strategik industri dan komuniti. SELECT Transformation Programs (S.T.P) pula melibatkan program transformasi menyeluruh UUM SELECT melalui penampilan imej korporat, UUM SELECT Lounge, Studio Debat, perlantikan jawatankuasa pelaksana dan pelbagai lagi.

Sementara itu, Presiden Kelab ENACTUS, Wong Tung Khuen berkata, pelbagai program berimpak tinggi telah diadakan bersama ahli ENACTUS supaya semangat kental dan motivasi disuntik berterusan walaupun berada di rumah.

Menurutnya, strategi bagi menarik minat ahli untuk menyertai program yang disusun atur dalam kelab ternyata mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Presiden Beta Gamma Sigma (BGS) UUM Chapter, Farah Insyirah Habib Rahman berkata, BGS berjaya mengatur strategi yang lebih mampan dan ampuh untuk menggerakkan program BGS.

“Kolaborasi antarabangsa dengan pelajar dari India, Turki, Columbia dan Amerika Syarikat secara webinar telah meletakkan BGS Chapter UUM di pentas dunia, bahkan akan terus melakar kejayaan dengan komitmen tinggi ahli BGS.

“Fokus juga tertumpu kepada program yang menitikberatkan halatuju dan sasaran BGS merangkumi jerayawara (roadshow) dan bengkel (workshop) yang perlu dipertingkatkan dengan jaringan kerjasama daripada semua Pusat Pengajian yang berkaitan,” katanya.

Dalam pada itu, menyedari pentingnya komunikasi dan pengucapan awam yang berkesan dalam semua aspek pengurusan harian sama ada kepada pelajar atau staf UUM, Presiden Kelab Pengucapan Awam, Wan Ain Adlina Che Wan sangat cakna dengan perkembangan terkini melibatkan agenda baharu debat UUM yang akan diketengahkan hingga ke peringkat antarabangsa.

Menurutnya, pertandingan pengucapan awam yang melibatkan negara Brunei, Thailand dan Indonesia sedang diatur oleh Kelab Pengucapan Awam.

Katanya, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin kukuh sebagai landasan bakat pelajar dalam pengucapan awam dan mereka kini giat menjalani latihan demi latihan supaya bakat ini terserlah.

"Oleh itu, latihan yang konsisten dan penyertaan pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta kerjasama daripada semua pihak amat diharapkan demi memantapkan agenda debat bertaraf profesional dan Antarabangsa," katanya.

Dalam meningkatkan prestasi dan reputasi semua kelab di bawah SELECT, Presiden Kelab Thinkers, Farah Ilyana menjelaskan bahawa Thinkers akan mengatur strategi kearah libatsama alumni (Alumni Engagement), kolaborasi dengan negara ASEAN, Training of Tainers (TOT) bagi memastikan Thinkers kaya dengan ilmu yang up to date seiring dengan dunia yang semakin mencabar,

Sesi '*Meet and Greet*' itu disertai 40 pelajar UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.